



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**Y.B DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
PENGERUSI RISDA**

SEMPENA

**KARNIVAL USAHAWAN RISDA
NEGERI MELAKA 2017**

**TEMPAT : TESCO, PERINGGIT, MELAKA
TARIKH : 13 APRIL 2017 (KHAMIS)
MASA : 11.00 PAGI**

Salutasi

- 1. Ybrs. Pengerusi Majlis**
- 2. Ybrs.En. Alias Bin Japri
Pengarah RISDA Negeri Melaka**
- 3. Ybhg.Pn.Hjh.Halimah bt. Abd Kadir
Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan**
- 4. Ybhg.En.Abdullah bin Zainal
Pengarah Bahagian Pejabat Ketua Pengarah**
- 5. Yang Dikasihi Usahawan-usahawan RISDA Negeri Melaka**
- 6. Rakan-rakan media**
- 7. Tuan Puan hadirin hadirat sekalian**

Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran ke Hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan hidayahNya kita semua dapat berkumpul di TESCO, Melaka ini bagi sama-sama menjayakan Majlis Perasmian Karnival Usahawan RISDA Negeri Melaka 2017. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan TESCO, Melaka di atas kesudian memberikan ruang dan tempat untuk menjayakan karnival kali ini. Sekalung penghargaan juga kepada pengurusan RISDA dan usahawan RISDA Negeri Melaka beserta usahawan-usahawan dari agensi lain yang bekerjasama bersama – sama memastikan karnival ini dapat dilaksanakan dengan cemerlang.
2. Pembangunan keusahawanan dan aktiviti ekonomi merupakan fokus utama RISDA pada tahun ini dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup pekebun kecil selain bergantung daripada komoditi getah dan sawit sahaja. Walaupun ketika ini harga getah meningkat pada harga RM 4.50 / kg bagi cup lump namun persediaan untuk menyeimbangkan pendapatan perlu RISDA laksanakan agar pekebun

kecil lebih selesa dengan sumber pendapatan kedua pada masa akan datang. Justeru itu, pada tahun 2017 ini sebanyak RM 27 juta diperuntukkan oleh RISDA untuk aktiviti-aktiviti keusahawanan merangkumi Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET), pembangunan produk, premis perniagaan dan pemasaran, pameran dan promosi dan jaringan strategik.

3. Penganjuran Karnival Usahawan RISDA di setiap negeri diharap dapat membantu golongan usahawan di kalangan pekebun kecil memasarkan produk mereka secara langsung kepada orang ramai. Karnival ini juga dapat mewujudkan satu jaringan pasaran dan rangkaian perniagaan yang lebih berkualiti dan baik khususnya kepada usahawan pekebun kecil RISDA. RISDA juga akan melaksanakan rangka kerja berpandukan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan menggabungkan kerjasama dan idea pemasaran bersama agensi-agensi lain KKLW seperti MARA dan Felcra.
4. Bagi memastikan usahawan-usahawan RISDA kekal bersaing di masa depan, RISDA membantu

usahawan menambah nilai produk dengan meningkatkan keupayaan untuk bersaing di pasaran tempatan atau pun antarabangsa. Usaha – usaha tersebut antaranya memantapkan kemahiran, R&D dan inovasi, pembungkusan dan pelabelan, akreditasi dan persijilan. RISDA turut menyediakan platform bagi membantu usahawan memasarkan produk dengan menyediakan bantuan premis perniagaan. Ini dilaksanakan sama ada dengan bina baru, disewa atau dibeli bangunan yang boleh digunakan sebagai premis perniagaan. Buat makluman semua, pada tahun ini RISDA akan membina lagi 7 buah RISSMART di Negeri Johor, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Terengganu dan Perlis.

5. Selain itu, bagi meningkatkan produktiviti pemasaran produk, RISDA turut menjalankan pelbagai program yang mudah dan hasil boleh diperolehi dengan cepat misalnya memberi latihan dan peralatan yang diperlukan sesudah tamatnya bengkel. Antaranya program Program Pembangunan Vendor, Mentor Mentee, *Groom Big*, Rakan Niaga dan Integrator. Program MyBidan yang diperkenalkan oleh

RISDA berpotensi melahirkan lebih ramai bidan profesional. Program ini termasuk khidmat mengurus dan menjaga kesihatan ibu selepas bersalin yang membolehkan bidan meraih pulangan RM 2,000 sebulan. Program ini berjaya menarik minat usahawan wanita dikalangan pekebun kecil memandangkan nisbah bidan dan pesakit sekitar 1 : 1000. Sehubungan itu, dengan peluang dan ruang yang telah disediakan wajarlah semua usahawan pekebun kecil merebut peluang ini bagi menambah rangkaian perniagaan dan pemasaran masing-masing.

6. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada penerima – penerima anugerah usahawan pada pagi ini dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada RISDA Negeri Melaka atas dedikasi dan kesungguhan untuk menganjurkan karnival ini dan memartabatkan produk – produk tempatan. Syabas dan tahniah saya ucapkan! **Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikam Karnival Usahawan RISDA Negeri Melaka Tahun 2017.**

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terima Kasih